

MENJADIKAN ZAKAT SEBAGAI NAFKAH KELUARGA

Fithriah Wardi

Fakulti Syariah dan Undang Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
fitriwardi@usim.edu.my

Abstrak

Zakat memiliki peranan yang penting dalam mewujudkan keseimbangan ekonomi dan kestabilan masyarakat. Antara maqasid Syariah yang terkandung dalam pembayaran zakat adalah untuk memenuhi keperluan orang yang memerlukan sokongan kewangan disebabkan keadaannya yang dalam situasi kekurangan. Dan Islam memberikan galakan untuk mengutamakan sanak kerabat dalam pemberian bantuan kewangan yang mencakupi sedekah serta zakat untuk menjaga ikatan silaturahmi, serta untuk mewujudkan perpaduan sosial. Dalam situasi kegetiran dunia sekarang ini yang sedang berjuang bertungkus lumus memerangi serangan pandemik COVID-19, yang pada asalnya menyerang sistem kesihatan manusia, dan selanjutnya menyerang sistem ekonomi negara yang menyebabkan ramai kepala keluarga yang kehilangan pekerjaan dan tidak mampu menjalankan kewajibannya memberikan nafkah kepada keluarga, maka sistem zakat yang merupakan salah satu rukun ketiga Islam dapat menjadi jalan keluar bagi mengatasi permasalahan ekonomi yang tengah dihadapi oleh pelbagai negara pada saat ini.

Kata kunci: zakat, isteri, nafkah keluarga.

PENDAHULUAN

Islam memiliki keistimewaan sebagai sebuah agama yang menggabungkan pelbagai kewajiban yang wajib dilakukan oleh seorang individu muslim terhadap Tuhannya, dan pelbagai kewajiban yang wajib dilaksanakan terhadap saudaranya sesama muslim. Dalam Islam tidak ada pemisahan di antara tuntutan kehidupan akhirat dengan tuntutan kehidupan dunia, bahkan Islam menyatukan keduanya dalam satu sistem.

Di antara contoh, ikatan antara ibadah kepada Allah dan melaksanakan pelbagai hak harta terhadap masyarakat adalah kaitan yang kita jumpa dalam kewajiban solat dan zakat dalam al-Qur'an. Kita dapati bahawa solat yang merupakan suatu ibadah yang dilakukan secara fizikal demi menegaskan rasa tunduk seorang muslim terhadap Allah subhanahu wa ta'ala sentiasa dikaitkan dengan kewajiban menunaikan zakat, yang merupakan suatu bentuk ibadah secara harta demi menciptakan perpaduan sosial. Contohnya firman Allah ta'ala: "dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk". (QS.al-Baqarah: 43). Juga firman Allah: "dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup". (QS. Maryam: 31).

Zakat adalah rukun Islam yang ketiga. Dan ia adalah rukun yang menjadi penentu bagi seorang muslim untuk mencapai kesempurnaan keislamannya. Dia adalah pengikat diantara ibadah, akidah, dan realiti kehidupan. Kerana dalam sebuah pelaksanaan zakat mengandungi makna komitmen di antara ibadah dengan akidah, serta perpaduan sosial bagi anggota masyarakat terhadap anggota masyarakat yang lainnya. Maka dalam kewajiban zakat terwujud pemahaman bahawa Islam berdiri di atas landasan tiada pemisahan di antara agama dan kehidupan dunia. Dan Islam bertujuan untuk memberikan kebahagiaan kepada manusia bukan hanya di kehidupan akhirat akan tetapi juga dalam kehidupan dunia.

Zakat memiliki peranan yang penting dalam mewujudkan keseimbangan ekonomi dan kestabilan masyarakat. Antara maqasid Syariah yang terkandung dalam pembayaran zakat adalah untuk memenuhi keperluan orang yang memerlukan sokongan kewangan disebabkan keadaannya yang dalam situasi kekurangan. Dan Islam memberikan galakan untuk mengutamakan sanak kerabat dalam pemberian bantuan kewangan yang mencakupi sedekah serta zakat untuk menjaga ikatan silaturahmi, serta untuk mewujudkan perpaduan sosial "maka (bagi menyatakan sikap syukur) berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; pemberian yang demikian adalah baik bagi orang-orang yang bertujuan memperoleh keredaan Allah dan mereka itulah orang-orang yang berjaya" (QS ar-Rum: 38).

Sesungguhnya zakat adalah satu-satunya sistem kewangan yang mengkhususkan dirinya memberikan infak terhadap keperluan individu muslim yang tidak mampu memenuhi keperluan hidupnya. Kewajiban pembayaran zakat daripada individu muslim yang berkelayakan tidak hanya terbatas kepada jenis sumber kewangan yang tertentu saja, bahkan mencakup semua jenis pekerjaan yang dapat menjadi sumber kewangan. Sehingga sesiapa sahaja tanpa mengira jantina dan jenis pekerjaannya yang menghasilkan pulangan dalam jumlah minimum yang masuk dalam kategori wajib zakat, wajib untuk mengeluarkan zakat hartanya.

Dalam situasi kegetiran dunia sekarang ini yang sedang berjuang bertungkus lumus memerangi serangan pandemik COVID-19, yang pada asalnya menyerang sistem kesihatan manusia, dan selanjutnya menyerang sistem ekonomi negara yang menyebabkan ramai kepala keluarga yang kehilangan pekerjaan dan tidak mampu menjalankan kewajibannya memberikan nafkah kepada keluarga, maka sistem zakat yang merupakan salah satu rukun ketiga Islam dapat menjadi jalan keluar bagi mengatasi permasalahan ekonomi yang sedang dihadapi oleh pelbagai negara pada saat ini.

Syarat Umum Kewajiban Zakat Menurut Mazhab Fiqh

Untuk menentukan kelayakan seseorang sebagai pembayar zakat (muzakki) maka ada syarat-syarat yang perlu dipenuhi. Berikut ini adalah syarat-syarat kewajiban zakat yang ditetapkan oleh para fuqaha:

Menurut mazhab Hanafi kewajiban zakat terikat kepada syarat: kepemilikan harta yang mencapai nishab zakat, mencapai haul, terbebas dari hutang, memiliki kelebihan dari perbelanjaan keperluan asas, dan harta tersebut berkembang (Ibnu Nujaim, tt).

Sedangkan menurut mazhab Maliki syarat sah zakat: islam, merdeka, nishab, kepemilikan harta, sampai haul pada bukan pada barang galian dan pertanian, tidak memiliki hutang pada al`ain (emas, perak, dan wang) (Ibnu Abdussami', tt).

Menurut mazhab Syafii syarat diwajibkan zakat adalah: Islam, merdeka, kepemilikan yang kuat terhadap harta, yakin keberadaan pemilik terhadap harta, dan harta tersebut memiliki pemilik yang pasti/tertentu (Zakariya al-Ansari, tt).

Menurut mazhab Hanbali, syarat wajib zakat ada 5, yaitu:

1. Merdeka.
2. Islam.
3. Kepemilikan terhadap harta yang mencapai jumlah nishab.
4. Kepemilikan yang pasti/sempurna terhadap harta (istqrar al-Milk).
Di antara contoh kepemilikan harta yang tidak pasti adalah seperti harta yang diwakafkan bukan kepada pihak tertentu. Misalnya seseorang mewakafkan kebunnya dan hasilnya diberikan kepada orang-orang fakir dan miskin, maka harta ini tidak dimiliki secara pasti oleh seseorang. Pada satu masa dimiliki oleh orang-orang fakir tertentu, akan tetapi jika orang-orang fakir tersebut meninggal dunia akan beralih kepada orang fakir yang lain. Inilah yang dimaksudkan dengan kepemilikan yang tidak pasti. Sekalipun kebun tersebut menghasilkan buah yang mencapai nishab zakat, tidak wajib mengeluarkan zakat ke atas buah tersebut, disebabkan ketidak pastian kepemilikan kebun tersebut.
5. Mencapai masa satu haul dalam kepemilikan harta yang mencapai jumlah nishab (al-Bahwati, 1402).

Syarat Khusus Kewajiban Zakat

1. Harta yang berkembang (an-Namaa` Fil Maal).

Setiap harta yang berkembang adalah objek zakat. Dalam mazhab Hanafi disyaratkan bahawa harta yang mencapai nishab zakat adalah harta yang

berkembang dan dapat bertambah. Pengertian harta yang berkembang secara epistemologi ada dua jenis, yaitu hakiki dan taqdiri. Secara hakiki adalah bertambah dengan cara kelahiran, berkembang biak dan perniagaan, sedangkan secara taqdiri adalah harta tersebut ada di tangannya atau di tangan wakilnya (Ibnu Nujaim, tt).

Disebabkan makna zakat adalah berkembang/bertambah, dan pertambahan tidak terjadi kecuali dari harta yang berkembang. Yang dimaksud dengan berkembang bukan perkembangan secara hakiki; kerana itu adalah perkara yang tidak dianggap. Yang dimaksudkan adalah harta tersebut siap untuk dikembangkan dengan cara perniagaan ataupun haiwan penternakan; kerana penternakan adalah sebab untuk menghasilkan keturunan dan berkembang biakan haiwan, sedangkan perniagaan adalah sebab untuk menghasilkan keuntungan (al-Kasani, 1982).

Menurut Syaikh Yusuf al-Qardawi, syarat *an-namaa`* (berkembang) pada harta dalam kewajiban zakat tidak terlepas dari syarat ini (perniagaan). Kerana mereka menganggap bahawa wang berkembang secara sendirinya. Hal ini dikatakan sedemikian kerana wang adalah barang yang diciptakan sebagai alat transaksi dan investasi, meskipun si pemilik wang tidak melakukan apa-apa usaha untuk mengembangkannya. Sekiranya tidak disyaratkan perniagaan dalam wang, maka orang yang memiliki wang yang mencapai jumlah nishab zakat yang sepatutnya dia perlukan untuk membeli makanan, ataupun pakaian, ataupun tempat tinggal, ataupun perubatan, ataupun perbelanjaan keluarga dan anaknya dikira sebagai orang kaya dan wajib mengeluarkan zakat. Sedangkan para ulama menganggap bahawa orang yang disibukkan dengan keperluan asas (al-Hajah al-Asliyyah) seperti orang yang tidak memiliki harta (al-Qardawy, 1999).

2. Memiliki kelebihan harta setelah dibelanjakan bagi keperluan asas (Fadhilan 'An Hajatithi al-Ashliyyah).

Dalam mazhab Hanafi diwajibkan zakat ke atas harta yang terlebih dari pembelanjaan keperluan asas (al-Hajah al-Asliyyah). Kerana orang yang hartanya hanya sekadar cukup untuk perbelanjaan keperluan asas dikira sebagai orang yang tidak memiliki harta. Yang dimaksudkan dengan keperluan asas adalah: perkara yang dapat menghindarkan manusia dari kebinasaan secara hakiki, seperti nafkah, tempat tinggal, alat-alat peperangan, pakaian yang diperlukan untuk melindungi dari udara panas dan dingin, alat-alat pertukangan, peralatan rumah tangga, kenderaan, dan buku-buku keperluan pendidikan untuk keluarganya. Jika dia memiliki harta sebanyak beberapa Dirham yang wajib dia belanjakan untuk memenuhi semua keperluan ini, maka

dia dianggap sebagai orang yang tidak memiliki harta, sebagaimana halnya dengan orang yang memiliki air hanya sekadar untuk menutupi rasa hausnya, sehingga dia dibolehkan untuk melakukan tayamum (sebagai ganti wuduk) (al-Kasani, tt).

Untuk alat pertukangan yang terbebas daripada zakat adalah yang sesuatu barang yang dimanfaatkan zatnya dan tidak meninggalkan bekas, seperti sabun cuci (bagi tukang cuci), botol besar penyimpan minyak wangi untuk penjual minyak wangi, kerana upah yang didapatkan adalah berdasarkan hasil kerja, jadi barang-barang pertukangan ini tidak dianggap sebagai harta perniagaan. Sedangkan barang-barang pertukangan yang meninggalkan bekas, seperti seorang tukang warna baju membeli bahan pewarna, dan dia mendapatkan upah dari hasil kerjanya ini, maka bahan pewarna ini wajib dikeluarkan zakatnya jika mencapai nishab, kerana upah yang diterima tukang warna adalah disebabkan zat pewarna baju (al-Babarti, tt).

3. Tidak terlilit dengan hutang.

Dalam mazhab Hanafi kewajipan zakat disyaratkan dengan terbebas dari hutang; kerana jika dia memiliki hutang ertinya dia disibukkan dengan memenuhi keperluan dasarnya (al-Hajah al-Asliyyah), maka dia dianggap sebagai orang yang tidak memiliki harta. Di samping itu juga zakat diwajibkan bagi orang yang memiliki kepemilikan penuh terhadap hartanya. Dan hutang juga menjadikan berkurang jumlah harta yang dimilikinya. Hutang yang dapat menyebabkan tergugurnya kewajipan zakat adalah hutang terhadap manusia, seperti hutang zakat (yang merupakan kewajipan terhadap Allah dan manusia) dan hutang pinjaman, sedangkan hutang nazar dan hutang kafarat tidak menyebabkan tergugurnya kewajipan zakat. Dan sekiranya hartanya melebihi jumlah hutangnya, maka dia wajib mengeluarkan zakat terhadap harta yang lebih jika mencapai nishab (al-Babarati, tt).

Sedangkan dalam mazhab Maliki disebutkan bahawa orang yang memiliki sejumlah harta yang wajib dikeluarkan zakatnya, dan dia memiliki hutang sejumlah harta tersebut, atau dalam jumlah yang dapat mengurangi nisab zakat, maka tidak wajib zakat ke atasnya. Kecuali jika dia memiliki barang-barang keperluan, atau hamba sahaya, atau haiwan peliharaan, atau tempat kediaman yang tidak terkena zakat, yang dapat dipergunakan untuk melunasi hutangnya, maka hendaklah dia membayar zakat hartanya. Sedangkan jika ternyata barang-barang kepunyaannya tidak dapat menutupi hutangnya, maka dia tutupi baki hutangnya dengan wang pembayaran zakat yang masih dia pegang, dan jika masih ada baki untuk membayar zakat, maka hendaklah dia membayarnya.

Sedangkan zakat pertanian dan haiwan tidak boleh digugurkan dengan sebab hutang (al-Qayrawani, tt).

Dalam mazhab Syafii disebutkan bahawa seseorang yang memiliki hutang sejumlah nishab zakat atau tidak mencapai jumlah nishab maka dia wajib untuk mengeluarkan zakat hartanya, tanpa mengira apakah hutangnya tersebut kepada Allah ataukah kepada manusia, juga tanpa mengira apakah hutangnya tersebut harus dilunasi dengan cepat ataukah boleh ditangguhkan. Begitu juga halnya jika dia memiliki harta yang jumlahnya sampai nishab zakat dan telah mencapai haul, namun harta tersebut tidak berada di tangannya kerana dirampas oleh orang lain, maka dia wajib mengeluarkan zakatnya ketika dia mendapatkan kembali hartanya tersebut (Zakariya al-Ansari, 2000). Maka jika seorang muslim memiliki harta yang mencapai nishab dan haul lalu dia bernazar untuk bersedekah atau melakukan kurban sejumlah harta nishab atau sebahagiannya, seperti dia berucap: "jika Allah menyembuhkan sakitku maka demi Allah aku akan bersedekah atau berkorban sebanyak 40 ekor kambing, maka nazar dan sedekahnya tersebut terhalang dengan zakat yang harus dia keluarkan (Zakariya al-Ansari, 2000).

Dalam mazhab Hanbali disebutkan bahawa orang yang memiliki harta yang mencapai jumlah nishab akan tetapi dia juga memiliki hutang sejumlah nishab zakat maka hutangnya tersebut menyebabkan tergugurnya kewajipan zakat ke atasnya, tanpa mengira apakah hutangnya tersebut pada harta batin (wang dan barang perniagaan), ataukah pada harta zahir (haiwan gembalaan dan hasil pertanian) (Ibnu Qudamah, 1405).

4. Kepemilikan terhadap harta telah mencapai masa satu tahun hijriah (Haul).

Seorang muslim diwajibkan untuk membayar zakat jika dia telah memiliki harta selama 12 bulan hijriah, bagi harta yang berupa wang dan haiwan. Sedangkan harta yang berupa tanaman, buah, madu, dan barang-barang yang dikeluarkan dari bumi tidak dikenakan syarat haul (masa satu tahun). Dan masuk dalam kategori ini adalah zakat profesi (hurfah).

Dalam mazhab Hanafi sesiapa yang memiliki harta yang jumlahnya mencapai nishab selama satu tahun Hijriah wajib untuk mengeluarkan zakat tersebut, berdasarkan sabda Rasulullah saw: "Tidak diwajibkan zakat ke atas harta sehingga sampai masa satu haul". Sebagai contoh, seorang lelaki membeli hamba sahaya sejumlah 200 Dirham dengan bayaran tunai, dan dia tidak menerima hamba tersebut sampai mencapai masa satu haul. Kemudian hamba tersebut mati dalam penjagaan si penjual sebelum diserahkan kepada pembeli, maka si penjual dan pembeli terkena kewajipan membayar zakat. Si penjual dikenakan kewajipan membayar zakat disebabkan dia telah menerima wang

pembelian hamba sebanyak 200 Dirham selama satu haul, dan si pembeli juga dikenakan kewajiban zakat kerana dia membeli hamba tersebut untuk tujuan perniagaan, dan dengan matinya hamba tersebut, akad jual beli dibatalkan, dan si pembeli menerima kembali wang pembelian sebanyak 200 Dirham (Ibnu Nujaim, tt).

Ukuran Jumlah Kepemilikan Harta Bagi Pembayar Dan Penerima Zakat

Berkenaan dengan berapa kadar jumlah harta yang dimiliki oleh seorang muslim yang menjadikan dia sebagai orang yang wajib untuk membayar zakat atau menerima zakat, maka para fuqaha memiliki kiraan yang berbeza:

Dalam pandangan mazhab Hanafi: Yang dimaksud dengan orang kaya adalah orang yang memiliki uang dua ratus Dirham, atau harta yang senilai 200 Dirham (setara 595 Gram perak), selain itu dia juga memiliki rumah, peralatan rumah tangga, pembantu rumah, kendaraan, senjata, dan pakaian. Maka orang yang memiliki kesemua barang ini masuk dalam kategori orang kaya dan wajib mengeluarkan zakat, haiwan kurban, dan zakat fitrah. Sedangkan orang yang memiliki kurang dari 200 Dirham tidak masuk dalam kategori orang kaya. Seseorang yang memiliki kecukupan dari segi tempat tinggal, pakaian, dan kelengkapan rumah tangga dikategorikan sebagai orang kaya. Berdasarkan apa yang diriwayatkan oleh Husyam dari Muhammad bahawa dia ditanya mengenai orang yang memiliki kelebihan wang sebanyak 200 Dirham, di samping itu, ia juga memiliki pakaian, perlengkapan rumah, dan rumah, apakah berhak untuk mendapatkan zakat? Dia menjawab" tidak, jika dia tidak memerlukan kelebihan wang tersebut (an-Najjari, tt).

Sedangkan bagi mazhab Maliki: ukuran kaya adalah orang yang memiliki harta sebanyak 200 Dirham (setara 595 gram perak), kerana orang yang memiliki harta sebanyak ini dan wajib mengeluarkan zakat hartanya masuk dalam kategori orang kaya, dengan dalil Allah memerintahkan mengambil zakat dari orang kaya untuk diberikan kepada orang-orang miskin. Dengan syarat bahawa harta yang sejumlah 200 Dirham ini mencukupi keperluannya, dan tidak memiliki anak yang banyak. Kerana jika dia memiliki banyak keperluan dan memiliki anak yang banyak, maka dia dikira sebagai orang miskin walaupun memiliki harta sebanyak 200 Dirham (al-Qurtubi, 1988).

Bagi mazhab Syafii: yang dimaksud dengan orang kaya adalah orang yang haram untuk mengambil zakat, dan memiliki harta yang mencukupinya sepanjang hayatnya (al-Haytsami, tt), menurut pandangan yang zhahir dalam mazhab Syafii bahawa orang yang memiliki kelebihan harta sebanyak 20 Dinar (setara 85 Gram emas) dari beberapa keperluannya, yang berupa rumah, hamba sahaya dan yang selainnya adalah yang dimaksud sebagai orang kaya (al-Juwaini, 2007). Sedangkan al-

Bughawi menetapkan, bahawa ukuran kaya dan pertengahan adalah berdasarkan adat, dan ukurannya berbeza berdasarkan perbezaan tempat dan masa. Imam Ghazali memberikan ketetapan ukuran kaya, pertengahan, dan miskin berdasarkan ukuran zakat, maka orang yang memiliki harta lebih sebanyak 20 Dinar pada masa penghujung haul, sebagai lebih daripada bayaran kafarat tanpa perlu menjual harta yang lain dikategorikan sebagai orang kaya, dan orang yang memiliki kelebihan harta kurang dari 20 Dinar dan dia atas $\frac{1}{4}$ Dinar dikategorikan sebagai golongan pertengahan, sedangkan yang tidak masuk ke dalam ke dua kategori ini dikatakan sebagai orang miskin (al-Haytsami, 2016).

Sedangkan dalam mazhab Hanbali ada dua riwayat mengenai ukuran kaya (had al-Ghina):

Riwayat yang pertama dikatakan bahawa yang dimaksud dengan kaya adalah orang yang memiliki harta sebanyak 50 Dirham (setara 148.75 Gram perak). Oleh kerana itu menurut imam Ahmad, seseorang yang memiliki harta sebanyak 50 Dirham, atau emas yang harganya bersamaan dengan 50 Dirham tidak boleh menerima zakat, kecuali jika dia sedang terlilit dengan hutang, maka dia boleh menerima zakat demi membayar hutangnya. Sedangkan sekiranya dia mampu membayar hutangnya dari hartanya dengan tanpa membuat dirinya miskin, maka dia tidak boleh menerima zakat untuk membayar hutangnya (az-Zarkasyi, 2002).

Dalam riwayat yang kedua dikatakan bahawa yang dimaksud dengan ukuran kaya adalah orang yang berkucukupan (kifayah) secara berterusan, disebabkan oleh perniagaan atau industri, atau hasil sewa bangunan, dan yang lain sebagainya. Jika dia memiliki hutang dan apabila dia membayar hutangnya tersebut menyebabkan dia tidak lagi menjadi orang yang berkecukupan, maka dia berhak menerima zakat untuk membayar hutangnya, sehingga dia mampu memenuhi keperluan hidupnya secara berkecukupan setelah hutangnya terbayar. Sedangkan jika dia mampu membayar hutangnya tanpa mempengaruhi kecukupan hidupnya (kifayah) maka dia tidak berhak menerima zakat (Ibnu Qudamah, 2002).

Kewajiban Nafkah Suami Kepada Isteri Dan Keluarga

Para fuqaha telah bersepakat bahawa suami wajib memberikan nafkah kepada isteri. Namun timbul perdebatan dalam kalangan para fuqaha mulai bila suami wajib memberikan nafkah.

Pandangan yang pertama: Jumhur ulama Hanafi (al-Kasani, 1982), Syafii (asy-Syarbini, 3/326), Maliki (Abu Abdullah, 1398), Hanbali (Ibnu Qudamah, 1988), menyatakan bahawa nafkah diwajibkan bukan kerana terlaksananya akad nikah, namun disebabkan at-Tamkin (kesediaan isteri untuk melakukan hubungan intim

dengan suami). Menurut Hanafi, yang dimaksud dengan at-Tamkin al-Kamil adalah berhubungan intim dengan suami dan tidak melakukan perbuatan nusyuz terhadap suami, atau isteri bersedia untuk bercumbu dengan suami pada masa yang dikehendaki oleh suami. Atau bersedia berpindah ke rumah kelamin. Sekiranya isteri menolak berpindah ke rumah kelamin tanpa ada sebarang alasan syar'i, maka gugur haknya untuk mendapatkan nafkah dari suami. sedangkan sekiranya isteri menolak berpindah dengan suami disebabkan suami tidak menyediakan rumah kelamin, maka keengganan isteri adalah berlandaskan mempunyai alasan, dan dalam keadaan demikian isteri tetap berhak mendapatkan nafkah (al-Kasani, 1982).

Menurut mazhab Maliki (Malik4/254), dan Syafii (asy-Syarbini, 3/426), sekadar isyarat kesediaan isteri untuk melakukan hubungan intim tidak menjadikan tanda bagi kewajiban nafkah. Namun sekiranya isteri mengajak suami untuk melakukan hubungan intim, maka suami wajib memberikan nafkah mulai pada saat itu, sekalipun suami tidak menggauli si isteri.

Pandangan yang kedua: berdasarkan padangan mazhab az-Zahiri, suami wajib memberikan nafkah dari mula terlaksananya akad pernikahan, sekalipun selepas itu si isteri berlaku nusyuz dan menolak untuk digauli (Ibnu Hazam, 10/88).

Dalil padangan yang pertama: dalam akad pernikahan tidak diwajibkan untuk memberikan dua pemberian yang berbeza. Selagi mahar menjadi pemberian yang wajib disertakan dalam akad pernikahan maka tidak diwajibkan untuk memberikan nafkah. Dan dalam akad pernikahan tidak boleh memberikan pemberian yang sifatnya tidak diketahui (*majhul*), sedangkan nafkah adalah sesuatu yang sifatnya tidak diketahui (*majhul* dari segi bentuk, kadar, jenis). Begitupun yang dilakukan Rasulullah saw ketika menikahi Sayyidah Aisyah ra yang pada saat itu berumur enam tahun, dan baru menggaulinya selepas dua tahun dari terlaksananya akad nikah. Dan tidak ada riwayat yang menyatakan bahawa baginda memberikan nafkah kepada sayyidah Aisyah ra sebelum masa digauli. Sekiranya nafkah pada masa tersebut wajib diberikan, niscaya Rasulullah saw akan memberikannya. Dan sekiranya Rasulullah saw memberikan nafkah pada masa tersebut pasti ada riwayat yang menyebutkannya (asy-Syarbini, 1415).

Dalil pandangan yang kedua: dalil yang dijadikan sandaran oleh mazhab az-Zahiriah adalah khutbah yang disampaikan oleh Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam: "takutlah kepada Allah mengenai isteri kamu, sesungguhnya kamu mengambilnya dengan amanah Allah, kamu halalkan kemaluannya dengan kalimat Allah, dan kamu memiliki hak ke atasnya untuk tidak memasukkan ke tempat tidur kamu orang yang kamu tidak sukai, jika mereka melakukannya maka berikanlah mereka pukulan yang tidak menyakitkan, dan kamu berkewajiban ke atas mereka untuk memberikan rezeki dan pakaian yang sesuai". Dalam hadis ini Rasulullah saw

memberikan ucapannya secara umum kepada semua isteri, tanpa memberikan pengkhususan kepada isteri yang nusyuz, ataupun yang masih kecil, ataupun yang sudah tua (Ibnu Hazam, 9/510). Ibnu Hazam juga memberikan komentar terhadap hadis ini: "kami dapati bahawa Allah Azza wa Jalla telah mewajibkan berbagai-bagai hak untuk seorang perempuan dalam harta suaminya, iaitu mas kahwin, nafkah, pakaian, dan tempat tinggal, selama isteri terikat perkahwinan dengan suami (Ibu Hazam, 9/508).

Ibnu Hazam juga melontarkan kritikan terhadap pandangan jumbuh ulama. Menurut Ibnu Hazam jika ada yang berpendapat bahawa nafkah diberikan dengan sebab kesediaan melakukan hubungan suami isteri dan ketaatan terhadap suami, maka bagi kami tidak seperti itu. Bahkan pandangan yang seperti itu adalah sebuah kedustaan. Dan orang pertama yang menyangkal pandangan tersebut adalah kalian sendiri. Bagi mazhab Hanafi dan Syafii, mereka memiliki pandangan bahawa seorang suami yang masih kecil wajib memberikan nafkah kepada isteri yang berusia dewasa atau tua, sekalipun tidak ada perbuatan jimak ataupun ketaatan dalam perkahwinan tersebut maka mazhab Hanafi, Maliki, dan Syafii juga mewajibkan pemberian nafkah ke atas suami yang *majbub* atau *anin* (kecacatan pada alat kelamin lelaki). Juga tidak ada perbezaan pandangan di antara para ulama mengenai kewajiban memberikan nafkah bagi isteri yang sakit yang tidak dapat digauli suami. Dan Allah Azza Wa Jalla telah menjelaskan hukum yang berkaitan dengan isteri yang musyuz: " Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka" (an-Nisa': 34). Maka dalam ayat ini Allah Azza Wa Jalla memberitahukan bahawa ke atas wanita yang nusyuz hanya diberikan hukuman pulau bilik dan pukulan sahaja. Dan Allah Azza wa Jalla tidak menggugurkan hak nafkahnya dan pakaiannya (Ibnu Hazam, 9/511).

Begitu juga halnya nafkah untuk anak, para fuqaha telah bersepakat bahawa seorang ayah wajib memberikan nafkah untuk anak-anaknya yang masih kecil dan tidak memiliki harta sehingga mereka mencapai usia baligh. Ibnu Munzir menyatakan: semua ulama yang kami hafal pandangannya bersepakat bahawa seorang lelaki wajib memberikan nafkah kepada anak-anaknya yang masih kecil yang tidak memiliki harta. Kerana seorang anak adalah bahagian daripada dirinya, sebagaimana dia wajib menafkahi dirinya dan isterinya, maka dia juga memiliki kewajiban untuk menafkahi keturunannya dan asal-usulnya (orang tuanya) (Ibnu Qudamah, 1405).

Menjadikan Zakat Isteri Sebagai Nafkah Keluarga

Dalam situasi kepala rumah tangga tidak memiliki kemampuan untuk memberikan nafkah untuk keluarganya, ataupun melangsaikan hutangnya, sedangkan isteri memiliki kadar harta yang menjadikan dia sebagai seorang yang wajib untuk mengeluarkan zakat hartanya, maka apakah boleh isteri bayarkan zakatnya kepada suaminya yang berada dalam keadaan yang serba kekurangan?

Menurut pandangan mazhab Hanafi seorang isteri tidak boleh memberikan zakatnya kepada suaminya, kerana suami memiliki kewajiban untuk memberikan nafkah untuk isterinya (asy-Syaibani, tt). Disebabkan suami dan isteri saling mendapatkan manfaat dari harta masing masing, maka makna kepemilikan (tamlik) yang merupakan salah satu syarat zakat tidak dapat dipenuhi secara sempurna dalam situasi yang seperti ini, oleh kerana itu baik suami ataupun isteri tidak boleh memberikan zakatnya kepada satu sama lain.

Sedangkan menurut pandangan mazhab Maliki seorang isteri tidak boleh memberikan zakatnya kepada suaminya, sekiranya wang zakat tersebut digunakan oleh suami untuk perbelanjaan yang melibatkan keperluan isteri. Namun sekiranya wang zakat tersebut digunakan untuk keperluan khusus suami, seperti membeli pakaian, membayar hutang, atau memberikan nafkah kepada selain isteri, atau keperluannya yang lain, maka diharuskan (al-Qayruwani, tt).

Bagi mazhab Syafii seorang isteri disunnahkan untuk memberikan zakatnya kepada suaminya, sekalipun zakat tersebut digunakan untuk menafkahi isteri (al-Haytsami, tt). Berdasarkan Rasulullah saw yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudriyy: sesungguhnya Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam ketika memerintahkan kaum wanita untuk bersedekah, maka datanglah Zainab isteri Abdullah Ibnu Mas'ud yang berkata: "wahai Nabiyullah, sesungguhnya hari ini kamu memerintahkan kami untuk bersedekah, dan saya memiliki satu perhiasan yang ingin saya jadikan sedekah, namun kemudian Ibnu Mas'ud menyatakan bahawa ia dan anak-anaknya lebih berhak untuk menerima sedekah dariku", maka Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam berkata: "benar apa yang dinyatakan Ibnu Mas'ud, suamimu dan anakmu lebih berhak untuk kamu berikan sedekah". Berdasarkan hadits ini maka para fuqaha berpendapat bahawa suami berhak menerima zakat harta dari isterinya (an-Nawawi, tt), begitu juga halnya orang-orang yang memiliki hubungan kekerabatan, lebih berhak untuk diberikan zakat berbanding dengan orang lain (an-Nawawi, tt), berdasarkan hadits Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam: "Sedekah ke atas orang miskin hanya sekadar mendapatkan pahala sedekah sahaja, sedangkan sedekah ke atas sanak kerabat akan mendapatkan dua pahala, iaitu pahala sedekah dan menyambung tali silaturahmi".

Sedangkan mazhab Hanbali memiliki dua pandangan berkenaan permasalahan ini, iaitu: pandangan yang pertama menyatakan bahawa isteri boleh memberikan zakat hartanya kepada suaminya berdasarkan ucapan Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam kepada Zainab isteri Ibnu Mas'ud" suamimu dan anakmu lebih berhak untuk kamu berikan sedekah". Kerana isteri tidak wajib memberikan nafkah kepada suaminya, maka seakan-akan dia bayarkan zakat kepada orang asing. Pandangan yang kedua: tidak boleh, kerana isteri akan mendapatkan manfaat dari zakat tersebut, kerana suami wajib memberikan nafkah kepada isteri, jadi tidak boleh memberikan zakatnya kepada suami (Ibnu Qudamah, 1994).

Syaikh Syauqi Ibrahim 'Allam mufti Mesir memiliki pandangan yang sama dengan mazhab Syafii bahawa isteri boleh membayarkan zakat hartanya kepada suami yang dalam keadaan miskin dan berhak menerima zakat. Tanpa perlu tahu apakah wang zakat tersebut akan dibelanjakan untuk menafkahi isteri atau untuk keperluan yang lain. Namun dengan syarat isteri terlebih dahulu menyerahkan wang zakat tersebut kepada suaminya. Kerana di antara syarat zakat adalah menyerahkan wang zakat kepada orang yang berhak menerimanya untuk ia miliki. Dan wang zakat tersebut menjadi milik penuh si penerima. Sehingga si suami memiliki kekuasaan penuh untuk membelanjakan wang zakat tersebut sesuai dengan kehendaknya. Dan isteri tidak boleh terus membelanjakan wang zakat tersebut tanpa menyerahkan terlebih dahulu kepada suami (Ibrahim Allam, 2019).

Menjadikan Zakat Sebagai Nafkah Anak

Berkenaan dengan nafkah anak, apakah seorang ibu dapat menjadikan zakat hartanya sebagai nafkah untuk anaknya?

Menurut Syaikh Ali jum'ah seorang ibu boleh memberikan zakatnya kepada anak-anaknya sekiranya bapak tidak mampu memberikan nafkah untuk mereka (Jum'ah, 2019). Namun perlu diberikan perhatian bahawa para fuqaha telah bersepakat seorang *muzakki* tidak boleh memberikan zakat hartanya kepada orang yang wajib untuk dia nafkahi (Ibnu Hajar, 1379). Jadi sekiranya ibu memiliki kewajiban untuk menafkahi anak-anaknya maka tidak boleh memberikan zakat hartanya kepada anak-anaknya.

Situasi yang menjadikan seorang ibu berkewajiban memberikan nafkah untuk anak-anaknya adalah:

1. Dalam situasi ketiadaan bapak. Berdasarkan pandangan mazhab Hanafi, Syafii, dan Hanbali, jika tiada bapa maka kewajiban untuk memberikan nafkah ke atas anak-anak akan beralih kepada ibu (Ibun Qudamah, 1405).

2. Ibu seorang yang kaya dan memiliki harta yang melebihi keperluannya.
3. Anak seorang yang miskin dan memerlukan harta.

Jika ketiga situasi ini terpenuhi, maka seorang ibu wajib memberikan nafkah untuk anak-anaknya, dan tidak boleh membayarkan zakat hartanya kepada anak-anaknya. Sedangkan jika bapanya ada namun tidak memiliki kemampuan untuk memberikan nafkah kepada anak-anaknya, maka ibu boleh memberikan zakat hartanya kepada anak-anaknya, kerana dalam situasi sebegini si ibu tidak memiliki kewajiban untuk memberikan mafkah kepada anak-anaknya.

Dalam kitab *Fathul Bari* disebutkan bahawa dinukil dari Ibnu al-Munzir dan yang lainnya terdapat ijmak ulamak yang menyatakan bahawa seorang anak tidak boleh diberikan nafkah yang berasal dari zakat yang wajib. Dan Ibnu Hajar memberikan komentar terhadap pernyataan ini bahawa pandangan ini perlu diteliti, kerana yang dilarang untuk diberikan dari zakat adalah anak yang wajib untuk diberikan nafkah, dan ibu tidak wajib memberikan nafkah ke atas anaknya selagi si bapak ada di antara mereka (1379). Jadi yang menjadi kesepakatan para ulamak adalah tidak boleh menjadikan zakat sebagai nafkah keluarga sekiranya *muzakki* adalah seorang yang memiliki kewajiban memberikan nafkah kepada keluarganya. Namun sekiranya *muzakki* tidak memiliki kewajiban untuk memberikan nafkah, maka dia boleh membayarkan zakatnya kepada sanak kerabatnya sebagai bentuk nafkah untuk mereka. Dan Rasulullah *sallallahu 'alaihi w sallam* memberikan galakan untuk mengutamakan sanak kerabat sebagai penerima zakat sekiranya mereka masuk ke dalam salah satu kategori *asnaf* zakat. Sebagaimana yang diungkapkan dalam kitab *al-Muhazzab*: "sekiranya sanak kerabatnya yang tidak wajib untuk ia nafkahi masuk ke dalam salah satu kategori *asnaf* maka disunnahkan untuk mengutamakan kerabatnya dalam pemberian zakat, berdasarkan kepada hadits yang diriwayatkan oleh Umm Kaltsum bin Utbah bin Abi Mu'ayyat, ia berkata, aku mendengar Rasulullah saw bersabda "sedekah seorang muslim ke atas muslim yang lainnya adalah sedekah, dan jika diberikan kepada sanak kerabatnya maka dia menjadi sedekah dan penyambung tali silaturahmi" (asy-Syairazi, tt).

PENUTUP

Zakat yang menjadi salah satu elemen paling penting dalam agama Islam bagi menunjukkan ketakwaan seseorang yang memiliki kelebihan harta kepada Allah dapat menjadi jalan keluar dan penyelesaian permasalahan yang dihadapi seorang kepala rumah tangga yang mengalami kebuntuan mencari sumber kewangan untuk menyara keluarga dalam situasi ekonomi yang tidak menentu. Sebelum terjadinya kegawatan ekonomi seperti yang terjadi pada masa sekarang ini, para fuqaha telah memberikan satu pilihan cara penyelesaian melalui hasil *ijtihad* mereka berdasarkan kepada dalil-dalil yang didapati dalam nas al-Qur'an dan al-Hadits, dengan

menyalurkan zakat isteri yang memiliki kelebihan harta dan kelayakan sebagai seorang pembayar zakat kepada suaminya yang berdepan dengan permasalahan kewangan, sehingga suami dapat menjalankan kewajiban sebagai kepala rumah tangga dengan sebaik-baiknya.

RUJUKAN

- Mazah, Mahmud bin Ahmad bin ash-Shadr asy-Syahid an-Najjari Burhanuddin, *Al-Muhith al-Burhan*, Dar Ihya at-Turats al-Arabi.
- al-Qurtubi, Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad bin Rusyd, tahqiq: Dr. Muhammad Haji, cet 2, 1408H/1988M, *Al-Bayan wat-Tahsil*, Dar al-Gharb al-Islami, Beirut-Lubnan.
- al-Haythami, Syihabuddin Ahmad bin Hajar, 2016, *Tuhfah al-Minhaj Fi Syarh al-Minhaj*, Darul Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.
- al-Bajirami, Sulaiman Muhammad, 2015, *Hasyiyah al-Bajirami Ala al-Minhaj*, Darul Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.
- Al-Juwayni, Abdul Malik bin Abdullah bin Yusuf, tahqiq: Prof. Dr. Abdul Azim Mahmud ad-Dib, cet 1 1428H/2007M, *Nihayah al-Mathlab Fi Dirayah al-Mazhab*, Dar al-Minhaj.
- Abu Muhammad, Abdullah bin Ahmad bin Qudamah al-Maqdisi, cet 1/1405H, *Al-Mughni Fi Fiqhal-Imam Ahmad bin Hanbal asy-Syaibani*, Darul Fikr –Beirut.
- az-Zarkasyi, Syamsuddin Abi Abdullah Muhammad bin Abdullah, tahqiq: Abdul Mun'im Khalil Ibrahim, , 1423H-2002M, *Syarh az-Zarkasyi Ala Mukhtashar al-Khiraqi*, Darul Kutub al-Ilmiyyah, Beirut-Lubnan.
- Ibnu Nujaim al-Hanafi, Zainuddin bin Ibrahim, *Al-Bahru ar-Ra'iq Syarh Kanzu ad-Daqa'iq*, Darul Ma'rifah-Beirut.
- Shalih bin Abdussami' al-Aabii al-Azhari, *Ats-Tsmar ad-Daani Fi taqrib al-Ma'ani Syarh Risalah Ibnu Abi Zaid al-Qayrawani*, al-Maktabah ats-Tsaqafah- Beirut,
- Sulaiman al-Jamal, al-Allamah Syaikh, *Hasyiyah al-Jamal 'Ala al-Minhaj Lisyaiikh Islam Zakariya al-Anshari*, Darul Fikr-Beirut.
- al-Bahwati, Mansur bin Yunus bin Idris, tahqiq: Hilal Mushailihi Musthafa Hilal, 1402H, *Kasysyaf al-Qina' An Matan al-Iqna'*, Darul Fikr, Beirut.
- Ibnu Qudamah al-Maqdisi, Abdullah bin Ahmad, cet pertama 1405 H, *Al-Mughni Fi Fiqh al-Imam Ahmad bin Hanbal asy-Syaibani*, Darul Fikr – Beirut.
- al-Mawardi, al-Allamah Abu al-Hasan, *Al-Hawi al-Kabir*, Darul Fikr-Beirut.
- Ibnu Hajar, Ahmad bin Ali, 1379H, *Fathul Bari*, Darul Ma'rifah, Beirut.
- Asy-Syairazi, Ibrahim bin Ali bin Yusuf, tt, *al-Muhazzab*, Darul Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.
- Asy-Syaibani, Muhammad bin al-Hasan bin Farqad, *al-Mabsuth li asy-Syaibani*, Idarah al-Qur'an wal-Ulum al-Isamiyyah, Karachi.
- Al-Qayruwani, Abi Sa'id Khalaf bin Abi al-Qasim, *At-Tahzib Fi Ikhtisar al-Mudawwanah*, Dubai.

Ibnu Qudamah, Abdullah bin Muhammad, 1994, *al-Kafi Fi Fiqh Ibnu Hanbal*, Darul
Kutub al-Ilmiyyah
<https://www.elbalad.news/4109845>